



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN
NEGERI PAHANG TAHUN 2020**

1. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2020 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021. LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Pahang pada 1 April 2022, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Pahang Tahun 2020

3.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Secara keseluruhannya, penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang

Disatukan pada akhir tahun 2020 berjumlah RM541.99 juta iaitu meningkat sebanyak RM210.30 juta atau 63.4% berbanding RM331.69 juta pada akhir tahun 2019.

- b. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan penurunan sebanyak RM3.34 juta atau 1.7% dalam lebihan semasa iaitu RM188.02 juta pada tahun 2020 berbanding RM191.36 juta pada akhir tahun 2019. Bagaimanapun, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan terkumpul pada tahun 2020 berjumlah RM164.95 juta berbanding kurangan terkumpul sebanyak RM23.07 juta pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak RM188.02 juta atau 815%.
- c. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020 telah meningkat sebanyak RM3.17 juta atau 5.3% kepada RM63.32 juta berbanding RM60.15 juta pada tahun 2019. Prestasi pelaksanaan projek RMKe-11 bagi tempoh lima tahun bermula tahun 2016 hingga 2020 adalah memuaskan kerana 177 projek atau 72.5% telah berjaya disiapkan daripada 244 projek yang diluluskan, manakala baki 67 projek (27.5%) lagi ditangguhkan/belum mula.
- d. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM4.70 juta atau 2.3% daripada RM204.39 juta pada tahun 2019 kepada RM199.69 juta pada tahun 2020.

- e. Baki Hutang Awam meningkat sebanyak RM3.40 juta atau 0.1% menjadi RM3.069 bilion pada tahun 2020 berbanding RM3.066 bilion pada tahun 2019. Selain itu, tunggakan bayaran balik Hutang Awam termasuk faedah pinjaman oleh Kerajaan negeri pada tahun 2020 ialah RM1.341 bilion.

3.1.3. Pengauditan Pematuhan

Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap lapan jabatan/agensi negeri. Namun, hanya satu hasil pengauditan yang dilaporkan dalam LKAN iaitu Pengurusan Akaun Belum Terima di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang kerana wujud kelemahan dalam pengurusan kutipan tunggakan bayaran balik yang boleh menjejaskan kutipan hasil Kerajaan negeri.

4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Jabatan Audit Negara telah mengemukakan tujuh syor dalam LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2020.

5. LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Negeri Pahang pada 1 April 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 1 April 2022 selepas jam 2.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

1 April 2022

29 Syaaban 1443H